

**KAJIAN KOMUNITI II**

# MENINJAU CABARAN, HALANGAN & POTENSI KOMUNITI RENTAN DI SABAH



*"Perubahan dan kemajuan jarang datang dari atas,  
perjuangan itu datang dari bawah"*

**Noam Chomsky**

**Laporan disediakan:**

Asrin Utong  
Wadzkir Abdul Hamid

**Pengkaji Lapangan:**

Randy Kevin  
Lia Elyana Hirmansahrin  
Radzmil Angking  
Nerynnah Najwa Hamzah  
Nurasyhikin Syed  
Mukti Hassan  
Khaidir Abd Rajim  
Asrin Utong  
Wadzkir Abdul Hamid

**Kajian ini dijalankan sepenuhnya oleh Cahaya Society disokong komuniti Cahaya  
daripada pusat alternatif Teratak Ilmu, CLC, Opak Lestari, Anjung Bakti dan Cita Budi.  
Isi kandungan gambar dalam kajian adalah hak cipta terpelihara Cahaya Society.**

# Isi Kandungan

1	Abstrak .....	1
2	Ringkasan kajian .....	2
3	Dapatan Kajian	
	• Metodogi .....	3-4
	• Demografi .....	3-4
	• Lokaliti & Durasi.....	3-4
	Cabaran & Halangan	
	• Pekerjaan .....	5-6
	• Keselamatan .....	7
	• Kesihatan .....	8
4	Potensi Komuniti .....	9-10
5	Penutup.....	11
6	Lampiran .....	12-16

# ABSTRAK

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah atau lebih dikenali sebagai Cahaya Society merupakan sebuah pertubuhan yang diwujudkan sejak Januari 2019. Cahaya Society sudah pun menjangkaui umur 4 tahun dalam menjalankan program advokasi pendidikan, kebajikan sosial serta pemberdayaan komuniti. Fokus utama yang diberikan adalah dari sudut pendidikan kanak-kanak stateless (tanpa negara) yang tidak mempunyai akses kepada sistem teras pendidikan kerajaan. Oleh yang demikian, dengan kapasiti, ruang dan masa yang diberikan, Cahaya Society ambil peranan dalam membangunkan pendidikan asas yang berfokuskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Selain daripada teras utama pendidikan, Cahaya Society ambil peranan dalam soal kebajikan komuniti tanpa dokumen, pekerja migran dan juga penerima manfaat dalam kalangan masyarakat B40 untuk menyalurkan bantuan asas. Beberapa siri program telah dilaksanakan bagi memastikan keterlangsunan asas kehidupan masyarakat yang tidak mendapat apa-apa peruntukan daripada mana-mana badan berkepentingan mahupun pihak kerajaan. Program Prihatin Komuniti merupakan aktiviti utama dengan menyalurkan bantuan asas harian seperti pek bantuan makanan dan peralatan asas kebersihan dalam lingkungan komuniti.

Pendataan dan pemetaan merupakan elemen penting sebagai sebuah organisasi dalam mengadvokasikan pendidikan serta pemberdayaan komuniti yang berfokuskan kepada kanak-kanak stateless dan komuniti migran yang tidak mendapat apa-apa fasilitasi dalam lingkungan harian. Kajian komuniti merupakan sebahagian daripada aktiviti utama Cahaya Society dalam memastikan ketepatan data dan maklumat yang diperolehi bagi komuniti yang tidak beridentifikasi. Kajian yang dilaksanakan menjadi pusat rujukan utama sebagai analisa dan pemerhatian dilapangan berkaitan tentang sosio-ekonomi komuniti rentan di Sabah, Malaysia.

# RINGKASAN KAJIAN

“

*“Dapatan kajian ini adalah sampul setiakawan daripada Cahaya Society kepada semua orang...”*

Kajian Komuniti adalah sebentuk usaha Cahaya Society untuk mengumpul sampel untuk tujuan pemetaan dan pendataan komuniti dengan mengambilkira beberapa perkara penting terutamanya membabitkan kehidupan sosial komuniti. Kajian yang bertajuk Meninjau Cabaran, Halangan & Potensi Komuniti Rentan di Sabah kali ini adalah susulan daripada Kajian Komuniti I: Komuniti Rentan & Pandemik di Sabah.

Kajian susulan ini adalah bagi melihat kesinambungan dan dinamika komuniti rentas pasca-pandemik yang bukan sahaja menjadi ancaman kesihatan sejagat tetapi turut menjelaskan aktiviti ekonomi, limitasi pergerakan dan kekangan informasi terutamanya kepada komuniti rentan yang tidak punya akses kepada maklumat.

Selain ingin memahami latar masalah yang rencam dalam lingkungan komuniti, kali ini kita cuba melihat ruang potensi komuniti sebagai langkah untuk melihat peluang untuk membangun ekonomi komuniti dan melestarikan ruang sosial komuniti.

Dapatan kajian ini adalah sampul setiakawan daripada Cahaya Society kepada semua orang untuk tujuan pemberdayaan komuniti yang lebih mapan dan komprehensif pada masa akan datang. Semoga kajian ini mendatangkan manfaat dan persoalan-persoalan baharu bagi meleraikan dan mengurangkan isu sosial dalam komuniti.

Magsukul! Terima kasih!



# DAPATAN KAJIAN

Laporan penuh ini adalah pasca analisis yang disepakati oleh pasukan kajian selepas meneliti data dan sampel yang dikumpul daripada komuniti di lapangan.

## > | METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam bentuk temubual dengan mengambilkira data ringkas seperti umur, jantina dan lain-lain di beberapa lokaliti yang berbeza. Sepuluh (10) penyelidik lapangan dilantik untuk tujuan menjalankan kajian di lapangan. Penyelidik lapangan telah menjalani Bengkel Kajian sebagai latihan untuk menjalankan temubual, pemerhatian lapangan dan analisis umum bagi setiap lokaliti yang terlibat.

## > | DEMOGRAFI

Kajian ini melibatkan 100 orang responden dalam kalangan komuniti cahaya yang tersimpan dalam pangkalan data organisasi kita. Kita mengambil 20 sampel dari setiap lokaliti.





Syarat responden kita adalah berumur 18 tahun ke atas tahun dalam kalangan komuniti rentan antaranya pelarian, migran dan tanpa dokumen.

## > | LOKALITI & DURASI

Pasukan kajian telah memilih lima (5) lokaliti sebagai tempat menjalankan kajian iaitu Cahaya Learning Centre (CLC), Cita Budi, Teratak Ilmu, Anjung Bakti dan Opak Lestari. Dua daripadanya berada berhampiran dengan bandar, dua lagi berada jauh dari bandar dan satu daripada berada di pulau.

Kajian ini dijalankan bermula 5 September sehingga 25 September 2022. Kajian lapangan mengambil masa seminggu. Selebihnya adalah persiapan pra-kajian dan persiapan penyediaan laporan penuh kajian.





- Majoriti responden adalah berumur pertengahan antara **35 tahun hingga 60 tahun** yang berbangsa Suluk atau Sug. Selain berbangsa Bajau, sesetengahnya berbangsa Bugis, Butun, dan Sungai. Hampir 90% daripada responden memiliki **isi rumah 10 orang ke atas** memandangkan kebanyakan mereka tinggal bersama saudara mara selain anak-beranak. Kajian kita ini juga mengambil majoriti sampel daripada komuniti rentan yang langsung **tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah** selain memegang Kad Burong-Burong dan Sijil Banci yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri (JKM) pada satu ketika dahulu.
- Isu dokumentasi antara punca kepadakekangan ruang untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi komuniti rentan. Mereka yang bekerja sebagai **nelayan berdepan dengan arahan perintah berkurung** di perairan bermula 6PM hingga 6AM oleh ESSCOM bagi mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan.
- Turut menjadi pemerhatian pasukan kajian adalah isi rumah yang ramai adalah usaha komuniti untuk meminimakan kos hidup selain daripadakekangan untuk membina rumah di kawasan setinggan walaupun secara tidak sah akibat **populasi komuniti ini di setinggan juga semakin mampat dan ramai**.



# Cabaran & Halangan

Berikut adalah bahagian yang sangat penting dalam kajian bagi meninjau kemungkinan dan kebarangkalian dalam kehidupan komuniti membabitkan elemen penting seperti pekerjaan, keselamatan dan kesihatan.

Menurut kita, tiga aspek ini adalah teras kepada permasalahan utama dalam kalangan komuniti terutamanya komuniti rentan yang terdedah kepada eksloitasi, ancaman dan penularan penyakit berjangkit.

**Berikut adalah ringkasan analisis:**


Elemen	Cabaran/Halangan	Dapatan
Pekerjaan	Komuniti berhadapan dengan limitasi peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Majoriti tidak bekerja</li><li>• Aktiviti ekonomi bergantung kepada pendapatan harian</li></ul>
Keselamatan	Majoriti komuniti rentan mendiami penempatan yang tidak sah seperti setinggan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada ancaman keselamatan</li><li>• Komuniti memerlukan perlindungan dan saling mendukung</li></ul>
Kesihatan	Kesihatan kelompok dalam komuniti dan penularan penyakit berjangkit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rata-rata mengalami sakit yang biasa</li><li>• Tiada akses kepada infrastruktur kesihatan awam</li><li>• Majoriti mendapat vaksin</li></ul>




# (i) Pekerjaan

Pasca-pandemik; ancaman keselamatan dan ekonomi telah membuka ruang kepada penduduk dunia untuk memulihkan ekonomi mereka. Komuniti tidak terlepas daripada gugatan ekonomi yang tidak stabil memandangkan mereka adalah komuniti rentan yang tidak mempunyai akses kepada peluang kerja yang luas dan mempunyai limitasi ruang untuk mengembangkan aktiviti ekonomi mereka.

Menerusi kajian ini, kita mendapati **64% daripada responden tidak bekerja** dan masih tidak mempunyai pendapatan tetap. Sesetengahnya hanya mengisi keperluan isi rumah yang majoriti 10 orang ke atas dengan pekerjaan berasaskan keuntungan harian seperti mengupas udang, ambil upah, membaiki barang rosak, berniaga kuih dan lain-lain.



Carta i.i: Status pekerjaan



Graf i.ii: Pendapatan bulanan

Kita turut mendapati bahawa **rata-rata responden dibayar upah sebanyak RM100-RM500** sebulan untuk pekerjaan seperti buruh binaan, nelayan dan buruh kasar. Pemerhatian kita di lapangan, komuniti amat merasa terbeban dengan bayaran yang tidak setimpal dengan isi rumah yang perlu ditanggung.

Selain kita mendapati beberapa sampel berkaitan cabaran yang dihadapi di tempat kerja antaranya khuatir berlakunya **serbuhan pihak berkuasa** dan **tidak dibayar gaji** oleh sesetangah majikan. Turut berlaku kes-kes terpencil yang menjadi ancaman di tempat kerja adalah **majikan tidak memberikan hak cuti dan rehat** kepada komuniti.




## (ii) Keselamatan

Keselamatan adalah hak manusia yang dijamin dalam nilai-nilai universal hak asasi manusia. Di samping itu, ia juga adalah sebentuk kedaulatan yang diperlu dijaga bagi dalam aspek bernegara. Komuniti rentan terutamanya responden daripada sampel kajian ini antara komuniti yang tidak mendapat jaminan keselamatan memandangkan kewujudan mereka tidak diiktiraf dan diakui.

Walaupun begitu, majoriti daripada responden mengakui bahawa **status keselamatan mereka di dalam komuniti adalah baik dan terjaga**. Walaupun kita mendapati bahawa tetap berlaku kriminal seperti gangsterisme, kecurian dan jenayah lain seperti jual-beli bahan terlarang.

15



Majoriti merasakan ancaman keselamatan adalah disebabkan oleh ancaman luar seperti kedatangan warga asing daripada Sulu menerusi laluan tikus di kawasan perairan pantai timur Sabah. Selain daripada keluarga ada dalam kalangan mereka yang datang kemudian mencetuskan masalah sosial. Selain itu, komuniti rentan merasakan serbuan polis sebagai ancaman keselamatan kerana mereka yang tidak mempunyai sebarang dokumen perlu melarikan diri ke kawasan bakau dan berenang ke kampung lain untuk tempoh yang lama. Sesetengahnya terpaksa bermalam di kawasan paya bakau sepanjang malam bersama anak kecil kerana khuatir tertangkap akibat ketiadaan dokumen.

Rata-rata komuniti akan **mencari perlindungan** apabila mereka berdepan dengan sebarang ancaman keselamatan samaada dari dalam komuniti ataupun dari luar. Perlindungan seperti berpindah tempat tinggal, bertemu dengan pemimpin komuniti atau mengasingkan diri daripada sebarang bentuk kelompok kriminal dalam komuniti.


### (iii) Kesihatan

Komuniti rentan di Sabah adalah mereka yang tidak memiliki akses kepada asas kesihatan dan berhadapan dengan caj yang sangat mahal untuk tujuan perubatan dan rawatan. Demografi dan lokaliti mereka telah menyebabkan populasi ini berdepan dengan banyak ancaman kesihatan termasuk penyakit berjangkit. Covid-19 telah membuktikan bahawa komuniti ini tidak mempunyai kesedaran kesihatan yang baik, akses maklumat yang terhad dan mereka berada di penempatan yang sukar mendapat bantuan kesihatan.

Walaupun begitu, berdasarkan sampel kajian ini, 80% responden berstatus sihat (ketika temubual dijalankan). **Majoriti hanya kerap sakit berbentuk influenza** seperti demam, batuk dan selsema. Tiada penyakit kronik seperti kanser dan lain-lain. Perkara ini belum dipastikan memandangkan komuniti ini tidak terdedah dengan penjagaan kesihatan yang baik dan rawatan & pemantauan berterusan daripada agensi kesihatan kerajaan maupun swasta. Ini kerana 68% daripada responden mengatakan bahawa mereka **tidak pernah menerima sebarang rawatan daripada mana-mana agensi kesihatan** termasuk NGO lebih-lebih lagi yang datang ke dalam komuniti dan membuat pemeriksaan kelompok.

Oleh itu, lebih 80% daripada komuniti ini memilih untuk **merawat diri mereka sendiri** menerusi pembelian ubat (pil/tablet) selepas mengalami sakit berbanding terus ke hospital dan klinik kerana rata-ratanya terbeban kerana caj pendaftaran yang mahal belum termasuk kos rawatan dan ubat-ubatan.

64% daripada responden telah menerima vaksin Covid-19 (dua dos) dan 28% telah menerima dos penggalak. Selebihnya masih tidak menerima atas faktor kekurangan informasi, limitasi pergerakan dan termakan momokan anti-vaksin yang tular di media sosial. Kita turut mendapati bahawa separuh daripada responden mengakui bahawa mereka jarang sakit kerana aktiviti harian mereka yang lebih kerap bergerak (terutamanya bekerja).



**Carta i.iii: Status Kesihatan**


# POTENSI KOMUNITI

Potensi komuniti antara sebahagian daripada objektif utama dalam kajian organisasi kali kedua bagi tahun 2022. Pasukan organisasi ambil bahagian dalam mengenalpasti beberapa potensi yang boleh dibangunkan dalam kalangan komuniti khususnya komuniti rentan (stateless/tanpa negara) di Sabah. Beberapa perkara yang cuba kita fahami dilapangan seperti kemahiran yang mampu mereka bangunkan dalam menjana pendapatan ekonomi yang mandiri selain daripada sektor industri yang lebih mendominan.

Berdasarkan dapatan dilapangan, majoriti responden tidak mempunyai keinginan untuk mengembangkan potensi yang ada. Namun demikian, apabila melihat kepada sosio-ekonomi dan demografi lingkungan, limitasi untuk mendapatkan kemudahan menyukarkan komuniti untuk mempertingkatkan dan mempelajari kemahiran dalam menjana pendapatan sampingan. Setiap responden mempunyai lokasi dan aktiviti ekonomi yang berbeza. Cabaran dan halangan juga turut berbeza mengikut konteks sosio-ekonomi khususnya komuniti rentan di Sabah. Responden lebih tertumpu dalam sektor pembinaan, perkilangan, serta kerja harian yang menjadi pendapatan utama ekonomi sehari-hari. Selain itu, beberapa perkara turut diberi penekakan dalam sub-seksyen kajian komuniti yang akan diterangkan dibahagian berikutnya.

- |                 |                 |
|-----------------|-----------------|
| 01<br>Mengimpal | 02<br>Memancing |
| 06<br>Menanam   | 07<br>Memasak   |
| 05<br>Menjahit  | 03<br>Menukang  |
| 04<br>Menyulam  |                 |

**Data 4.1: Contoh aktiviti ekonomi responden di lapangan**



**Carta i.iv: Kemahiran sebagai sumber pendapatan**

Dalam sub-seksyen potensi komuniti, kita cuba memahami dan mengambil sampel di lapangan sebagai rujukan dan analisis kajian. Sebahagian daripada objektif organisasi, pemberdayaan komuniti merupakan fokus utama dalam memastikan kesinambungan dan kelestarian komuniti rentan di Sabah. Berdasarkan data yang ditunjukkan di atas, kita dapati bahawa **51.2%** responden menyatakan bahawa kemahiran tidak memberi apa-apa pendapatan yang tetap kerana perlu bersaing di pasaran bersama peniaga yang sedia ada. Manakala **48.8%** responden pula menyatakan sebaliknya bahawa kemahiran yang dimiliki mampu dijadikan sebagai sumber pendapatan.

Komuniti rentan mempunyai potensi atau kemahiran mereka tersendiri. Kemahiran menjahit atau menanam merupakan salah satu aktiviti yang boleh membantu dalam membangunkan ekonomi serta kelestarian sosio-ekonomi khususnya komuniti rentan di Sabah. Namun demikian, disebabkan limitasi dan akses yang terhad menyukarkan mereka untuk mengembangkan potensi yang ada kepada masyarakat setempat serta memasarkan produk yang mampu dihasilkan sendiri.

Rata-rata responden memiliki kemahiran berdasarkan pengalaman kerja dan belajar (meneroka) sendiri. Mereka terbuka untuk sebarang sokongan sumber dan latihan untuk mengembangkan kemahiran memandangkan pekerjaan tetap mereka tidak mampu menampung tanggungan dan kos hidup secara umum.

Beberapa aktiviti kemahiran dalam Data 4.1 antara potensi komuniti yang boleh dikembangkan sebagai respon kepada impak sosioekonomi yang tidak menentu dalam kalangan komuniti. "Jangan beri ikan, namun ajar cara cari ikan" menurut kata orang cerdik pandai.



# Konklusi

Cabaran, Halangan dan Potensi Komuniti diambil berdasarkan keadaan semasa komuniti rentan di Sabah. Komuniti yang melibatkan stateless atau komuniti tanpa kerakyatan menjadi isu yang signifikan dan memerlukan kerjasama semua pihak dalam memastikan kelestarian sosio-ekonomi komuniti rentan khususnya. Dapatan yang diambil mengikut konteks demografi berbeza yang memerlukan perhatian dan analisis yang lebih mendalam sebelum tindakan yang boleh diambil sama ada dari sudut ekonomi maupun sosial.

Kajian ini hanya bersifat separa akademik dan analisis masalah di lapangan. Data dan sampel yang dikumpul akan dijadikan bahan rujukan dan pemerhatian semasa untuk mencari solusi antara semua pihak yang terlibat. Masalah komuniti terlalu kompleks untuk diselesaikan dan memerlukan proses yang panjang serta penglibatan beberapa badan berkepentingan dalam membuat pemantauan dan penilaian yang berterusan. Isu keselamatan dan dokumentasi antara fundamental kepada permasalahan yang wujud di Sabah. Namun demikian, setiap permasalahan memerlukan pengurusan yang lebih konkrit yang bersifat solusi dan bukannya berbentuk opresif kepada isu yang dibincangkan.

Pihak organisasi terbuka untuk bekerjasama dengan semua pihak sama ada dari pihak jabatan kerajaan, NGO, parti politik dan pemegang taruh dalam membuat pemantauan dan penilaian dari semasa ke semasa untuk meninjau keperluan dan potensi yang boleh dibangunkan.

Bagi pembangunan polisi yang mapan dan konkrit menerusi pemetaan dan pendataan di lapangan, kita sedia bersama bagi menemukan titik persamaan bagi meleraikan kerumitan isu ini.

Dari komuniti, untuk komuniti.

Merdeka!



# Lampiran

Lampiran 1.1: Gambar dibawah menunjukkan sample surat persetujuan untuk penggambaran kepada responden sebelum apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pihak organisasi sebagai rujukan.



## SURAT PERSETUJUAN

Saya, \_\_\_\_\_, dengan ini membenarkan Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah di Sabah, Malaysia (ataupun dirujuk sebagai "Cahaya Society") untuk mengambil gambar diri saya:

1. Saya membenarkan Cahaya Society mengambil gambar saya
  2. Saya faham dan benarkan gambar-gambar ini diambil sebagai sebahagian daripada pelaksanaan kajian komuniti: Meninjau Cabaran, Halangan & Potensi komuniti rentan di Sabah.
- Kajian komuniti ini bertujuan untuk pengumpulan data dan pemetaan serta sebahagian daripada aktiviti tahunan Cahaya Society dalam memastikan ketepatan maklumat yang diperolehi dilapangan.
- Saya membenarkan Cahaya Society untuk menggunakan dan menerbitkan gambar-gambar ini diluar bidang kajian komuniti, untuk kegunaannya pada masadepan, antara lain untuk:
    - Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang isu-isu undocumented/stateless (tanpa negara)
    - Meningkatkan kesedaran melalui kempen, aktiviti promosi, strategi komunikasi dan komunikasi awam
    - Dokumentasi dan promosi kerja Cahaya Society
    - Makluman kepada penderma, rakan kongsi, media dna orang awam tentang program dan aktiviti Cahaya Society.
  - Saya faham dan setuju penggunaan gambar-gambar saya di masa hadapan mungkin melibatkan, tetapi tidak terhad kepada penerbitan, bahan promosi, risalah, laporan, rencana, pembentangan, pameran dan paparan di laman sesawangan Cahaya Society dan saluran media elektronik pihak ketiga yang lain.
  - Saya faham ciri-ciri sesi penggambaran dan tujuan kegunaan gambar-gambar, dan dengan ini memberikan kebenaran saya untuk penggunaan di atas. Saya juga faham mana-mana gambar yang diambil mungkin dipaparkan di persekitaran awam.
  - Saya mengakui bahawa Cahaya Society tidak diwajibkan untuk menggunakan gambar-gambar yang diambil.
  - Dengan ini, saya memberikan Cahaya Society pelepasan daripada tanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang saya, anak-anak, keluarga atau komuniti setempat alami berkaitan penggunaan mana-mana gambar bagi kegunaan kajian komuniti ini atau kegunaan Cahaya Society di masa hadapan.
  - Saya faham dan setuju bahawa Cahaya Society memegang hak cipta terpelihara dan sebarang harta intelek lain berkaitan gambar-gambar yang diambil, dan Cahaya Society boleh menggunakan dan menerbitkan, dan memberi kuasa kepada pihak ketiga lain untuk digunakan dna diterbitkan, tanpa kebenaran saya.
  - Saya mengakui tidak akan menerima sebarang pembayaran untuk sesi penggambaran atau penggunaan gambar yang diambil, dan tiada bayaran atau pertimbangan selanjutnya akan dilaksanakan.
  - Saya faham kandungan surat persetujuan ini selepas:
    - Membaca Klausus di atas: YA / TIDAK
    - Klausus di atas dibacakan kepada saya: YA / TIDAK
  - Saya dengan sukarela membuat deklarasi dan memberi persetujuan untuk gambar diri saya diambil oleh jurugambar yang mewakili Cahaya Society.

Ditandatangani pada tarikh: **09 September 2022** bertempat di **Anjung Bakti, Kg Melayu**, Oleh:

\_\_\_\_\_

# Lampiran

Lampiran 1.2: Berikut merupakan contoh bentuk soalan yang digunakan semasa mengambil data/survei dilapangan.

Kajian Komuniti II: Meninjau Cabaran, Halangan & Potensi Komuniti Rentan

## Bahagian A: Demografi

Nama : \_\_\_\_\_ Umur : \_\_\_\_\_

Etnik : \_\_\_\_\_ Bil. Isi Rumah : \_\_\_\_\_

Jenis dokumen:

- ( ) IMM13                          ( ) Passport                          ( ) Kad Pengenalan  
( ) Sijil Lahir                          ( ) Tiada                                  ( ) Lain-lain: \_\_\_\_\_

## **Bahagian B: Halangan & Cabaran Komuniti**

1. Apakah status pekerjaan anda?

- ( ) Bekerja  
( ) Tidak Bekerja

2. Apakah pekerjaan anda?

- ( ) Buruh Binaan
  - ( ) Nelayan
  - ( ) Berniaga
  - ( ) Kerja Sambilan

3. Berapakah pendapat bulanan anda?

- ( ) RM100 ke bawah
  - ( ) RM100-RM500
  - ( ) RM600- RM1,000
  - ( ) RM1.000 ke atas

4. Apakah cabaran anda di tempat kerja?

- ( ) Tidak dibayar gaji
  - ( ) Majikan tidak memberikan hak
  - ( ) Serbuhan
  - ( ) Tiada

Gambar 1.2.1: Contoh soalan kajian

# Lampiran

Lampiran 1.3: Gambar diambil semasa kajian dijalankan dilapangan yang melibatkan 5 lokasi berbeza.



Gambar 1.3.1: Gambar responden di Cahaya Learning Centre (CLC)



Gambar 1.3.2: Gambar responden di Cita Budi, Kg Mangkalinau



Gambar 1.3.3: Gambar responden di Anjung Bakti, Kg Melayu



Gambar 1.3.4: Gambar responden di Opak Lestari, Pulau Opak



Gambar 1.3.4: Gambar responden di Teratak Ilmu, Kg Kagayan

**Penafian:**

Pihak organisasi tidak akan bertanggungjawab sekiranya penggunaan gambar tersebut tidak mendapat sebarang persetujuan daripada pemilik asal. Sebarang penggunaan bahan untuk kegunaan peribadi adalah sangat dilarang dan pihak organisasi berhak untuk mengenakan tindakan yang sewajarnya kerana penggunaan bahan oleh pihak ketiga tanpa persetujuan.



## Hubungi:

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah  
(Cahaya Society)

Lot 2, Tingkat satu, Blok D, Bandar Ramai-Ramai, Jalan Leila, 90000, Sandakan, Sabah

[www.cahayasociety.org](http://www.cahayasociety.org)  
cahayasociety@gmail.com  
089-666915